

APA KATA DOKTOR M

“PEMIMPIN-PEMIMPIN UMNO mestilah sedia serahkan pimpinan kepada orang muda — Mahathir”, begitulah bunyi sebuah tajuk bersaiz sederhana di Utusan Zaman, April 23.

Berita berikutan di antara lain berkata, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed berkata hari ini, pemimpin-pemimpin UMNO mestilah bersedia menyerahkan pimpinan parti kepada “pemimpin-pemimpin muda untuk mempastikan UMNO terus hidup”.

Bellau menambah, “Saya sendiri akan mengundurkan diri sekiranya pimpinan saya telah didapati usang dan tidak memberi faedah lagi.”

Catitan khas

“Usang” mengikut Kamus Dewan adalah bermakna: (i) kering dan tidak berisil (padi); (ii) sudah lama benar, lama terpakai atau tersimpan; (iii) kuno; (iv) tidak subur lagi (tanah), dan (v) kehabisan baja (tanah).

Komen Penulis

Pengertian penulis

dari apa yang diperkatakan oleh Dr. Mahathir tadi ialah — jika seseorang pemimpin, apa jua pangkatnya, telah mula berasa dirinya usang:— (a) dari segi fizikal, yakni, dalam bahasa biasa, sentiasa letih dan lesu di slang hari; atau (b) dari segi mental, yakni, dalam bahasa yang mudah difahami, telah kekeringan dayausaha ataupun “idea” baru atau semasa; atau (c) kerana “tempoyak” telah mula terbau di hidung orang yang berkebolehan membau, dalam konteks, kepakaran pemimpin berkenaan dalam selok-belok mementingkan perut dan memberatkan saku sendiri telah diketahul ramal — maka pemimpin berkenaan patutlah sangat mengundur diri secara sukarela dan menyerahkan pula tali kekang kuasa kepada orang lain, jika boleh kepada orang yang lebih muda dan lebih bertenaga.

Sebagai korolari pula kepada apa yang diperkatakan oleh Timbalan Perdana Menteri itu, pemimpin-pemimpin yang telah (atau terpaksa) berundur dari arina politik aktif di satu ketika dahulu atas salah satu dari tiga (atau kesemua) sebab dikisahkan tadi, janganlah pula hendaknya cuba menonjolkan diri semula untuk merebut kuasa dari orang-orang muda yang lebih bertenaga dan berkualifikasi, semata-mata dengan tujuan “melepaskan rindu” untuk berkuasa semula.... Atau dalam

bahasa Inggerisnya, “to re-live their glorious past”, dalam bahasa Melayunya, untuk “menghidupkan semula zaman kegemilangan mereka.”

☆☆☆